

02 AUG 1999

Mahkamah-Anwar (Azizan)

ANWAR LIWAT SAYA 10 HINGGA 15 KALI, KATA AZIZAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi di sini bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meliwatnya sebanyak 10 hingga 15 kali bermula dari 1992.

Bekas pemandu keluarga Anwar itu berkata pertama kali beliau diliwat oleh Anwar ialah di sebuah banglo di Port Dickson, Negeri Sembilan, tujuh tahun lepas.

Kejadian liwat itu berlaku di beberapa hotel di Petaling Jaya dan Subang serta di bilik tetamu kediaman rasmi Anwar, katanya ketika disoal Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah, yang mengetuai pendakwaan pada hari ke-36 perbicaraan kes liwat Anwar dan adik angkatnya Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Anwar, 51, dan Sukma, 38, dituduh meliwat Azizan di apartmen milik Sukma di 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar di sini pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang pemilik butik juga dituduh bersubahat dengan Anwar yang juga bekas menteri kewangan, untuk melakukan kesalahan itu terhadap Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Peguam utama Anwar Christopher Fernando membantah keterangan itu kerana kejadian liwat di Port Dickson itu tidak pernah dibangkitkan sebelum ini.

Mohtar mengakui bahawa ia keterangan baru tetapi beliau tidak akan bertanya lanjut mengenainya.

Azizan berkata beliau ada memberitahu Ummi Hafilda Ali mengenai liwat yang dilakukan terhadapnya oleh Anwar tetapi tidak menyatakan semua tempat di mana ia berlaku.

Ummi Hafilda, seorang usahawan, merupakan penulis surat "Perihal Salahlaku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997 yang mengandungi dakwaan salahlaku seksual Anwar.

Surat itu, yang turut dilampirkan pengakuan bersumpah Azizan bahawa Anwar telah meliwatnya, telah dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika ditanya Mohtar mengapa beliau membiarkan dirinya menjadi mangsa liwat Anwar, saksi itu berkata : "Saya berasa takut kepadanya yang berkuasa pada ketika itu".

Azizan berkata perasaannya tertekan kerana beliau tidak menyangka Anwar, yang selalu memperjuangkan Islam dan dipandang mulia oleh masyarakat, sanggup melakukan perbuatan itu terhadapnya.

"Beliau juga mengambil kesempatan ke atas sikap saya yang lemah dan menurut sahaja akan kehendaknya," katanya.

Azizan berkata beliau terus bekerja sebagai pemandu kepada isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, selepas diliwat buat kali pertama oleh Anwar kerana fikirannya bercelaru dan buntu.

Katanya beliau amat menghormati Wan Azizah dan rapat dengan anak-anak majikannya itu.

Azizan berkata atas sebab itu beliau menerima semula pelawaan Wan Azizah untuk bekerja semula walaupun telah berhenti dan bekerja dengan Sime Darby Berhad.

Bagimanapun, katanya beliau hanya bertahan selama dua minggu kerana bimbang kejadian liwat oleh Anwar itu berlaku semula ke atas dirinya.

Disoal oleh Fernando mengapa beliau dalam pengakuan itu tidak menyebut mengenai kejadian liwat di Port Dickson dan Tivoli Villa, Azizan berkata beliau berasa sedih kerana itulah pertama kali beliau diliwat dan diliwat pula oleh dua orang.

Menurutnya beliau pernah menyebut mengenai kejadian di Port Dickson kepada pasukan polis yang menyasat dan mengambil keterangan daripadanya.

Apabila ditanya mengapa perasaan yang sama tidak timbul semasa beliau menyebut tempat-tempat lain di mana beliau juga mendakwa diliwat oleh Anwar, Azizan berkata beliau tetap sedih tetapi hanya menyatakan sebahagian daripadanya apabila ditanya oleh Ummi.

Semasa Fernando mencadangkan bahawa Azizan sebenarnya hanya memberitahu versi yang "separuh benar" kepada Ummi, Hakim Datuk Arifin Jaka mencelah dan berkata itu tidak bermakna perkara itu tidak benar.

" Saya membuat pengakuan bersumpah atas nama Tuhan mengenai diri saya diliwat oleh Datuk Seri Anwar disebabkan rasa bersalah saya kerana membenarkan diri saya diliwat olehnya," kata Azizan.

Katanya selain menyerahkan pengakuan bertulis itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau ada menyerahkan satu salinan pengakuan itu kepada peguam Karpal Singh dan pegawai polis yang mengambil percakapannya.

Karpal, katanya, memperolehi pengakuan itu menerusi faks ketika beliau, Ummi Hafilda dan Dr Ristina Majid berjumpa peguam berkenaan di firma guamannya di Lorong Pudu, di sini.

Katanya mereka pergi berjumpa Karpal untuk mendapatkan nasihat perundangan dan pada pertemuan itu, beliau menceritakan secara mendalam bagaimana Anwar meliwatnya untuk pertama kalinya di banglo itu.

Azizan berkata walaupun pengakuannya itu telah terlebih dahulu dihantar kepada Perdana Menteri, beliau menemui Karpal kerana mengesyaki dirinya diekori polis dan meminta Karpal mewakilinya jika beliau ditahan atau disaman berkaitan hal itu.

Ditanya apa tindakan Karpal, saksi itu berkata peguam itu memberitahunya agar membiarkan Dr Mahathir menyelesaikan perkara itu memandangkan pengakuan dan surat itu telahpun dihantar kepadanya.

Selain itu, Karpal, yang juga Anggota Parlimen Jelutong, juga memberitahu bahawa beliau akan menimbulkan perkara itu pada sidang Parlimen yang akan menjelang ketika itu, kata Azizan.

Katanya pada pertemuan itu, Jagdeep Singh Deo dan adiknya Gobind, kedua-duanya anak Karpal yang kini mewakili Sukma, tidak berada di firma tersebut.

Azizan juga mengakui bahawa apabila beliau berhenti kerja dengan Sime Darby untuk kali kedua, selepas berkhidmat selama dua minggu sebagai pemandu Azizah, beliau menyertai sebuah syarikat lain di Melaka sebagai pengarah.

Selepas itu, beliau berhenti dan bekerja dengan syarikat pemaaju perumahan di Alor Gajah, Melaka dan diberi jawatan Eksekutif Pemasaran dan Penjualan.

Ditanya oleh Fernando, Azizan mengakui bahawa semasa perbicaraan kes rasuah Anwar yang berakhir April lepas, beliau memegang jawatan itu tetapi kini telah dinaikkan pangkat kepada pengurus pemasaran dan pentadbiran di syarikat berkenaan.

Azizan berkata beliau tidak mempunyai saham dalam syarikat itu tetapi diberi kereta syarikat selain gaji.

Pada tahap ini, Arifin bertanya kepada Fernando apa relevan soalnya dengan kes itu dan Fernando menjawab bahawa beliau akan memberitahu kerelevanannya kepada hakim dalam kamar pagi esok.

Perbicaraan disambung esok.

-- BERNAMA

RA SBB NAK